



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

**PELAKSANAAN KAJIAN EMPIRIKAL PENGASINGAN KUASA
PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA DI UNITED KINGDOM**

London, 12 Mac 2025 – Susulan dua lawatan sebelum ini di Kanada dan Australia pada tahun 2024, saya bersama delegasi kini berada di London, United Kingdom (UK) untuk siri akhir kajian empirikal Cadangan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya untuk mengkaji dengan lebih terperinci mengenai konsep yang diamalkan di UK sebagai rujukan amalan terbaik (*best practice*) dalam usaha untuk mengenal pasti model yang sesuai bagi Malaysia.

Delegasi Malaysia dalam kajian empirikal ini terdiri daripada Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Senator Rita Sarimah Anak Patrick Insol yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-Undang Majlis Dewan Negara, Yang Berhormat Dato' Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, Ahli Parlimen Besut yang mewakili blok pembangkang, Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka, YBhg. Datuk Umar Saifuddin bin Jaafar, Peguam Cara II Negara, En. Mohamad Ezri bin Abdul Wahab, Presiden Majlis Peguam Malaysia serta pegawai-pegawai kanan daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Kajian empirikal ini telah dimulakan dengan sesi perbincangan meja bulat anjuran bersama oleh BHEUU, JPM, *University College London* dan Universiti Kebangsaan Malaysia bersama pakar-pakar perundangan dan ahli akademik yang memfokuskan kepada struktur dan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya yang diamalkan di Malaysia dan United Kingdom. Sesi yang dikendalikan oleh Professor Jeff King, Professor

Fakulti Undang-Undang, *University College London* telah disertai seramai lebih daripada tiga puluh (30) orang peserta daripada Malaysia dan United Kingdom.

Selain pakar akademik, terdapat juga wakil-wakil daripada pertubuhan masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkepentingan seperti *All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Integrity, Governance and Anti-Corruption (IGARI)*, *Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)*, *The Coalition for Clean and Fair Elections, BERSIH*, *The Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)*, *The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)*, *Transparency International* dan *Stability and Accountability for Malaysia (Projek SAMA)*.

Pertemuan kami bersama dengan The Rt. Hon. Lord Hermer KC, Peguam Negara bagi England dan Wales di pejabat beliau di Ministry of Justice, United Kingdom merupakan pertemuan yang amat signifikan kerana perbincangan berhubung sistem semasa yang digunapakai di United Kingdom yang merangkumi aspek peranan dan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya telah diterangkan dengan lebih terperinci.

Selain itu, saya dan delegasi turut diraikan dalam satu pertemuan dengan Speaker House of Commons (Dewan Rakyat) United Kingdom, The Rt. Hon. Sir Lindsay Hoyle. Pertemuan ini merupakan kunjungan balas selepas lawatan beliau ke Parlimen Malaysia pada 19 Februari yang lalu. Kami telah mengadakan perbincangan lanjutan serta bertukar-tukar pandangan mengenai bidang utama reformasi parlimen termasuk peranan jawatankuasa pilihan dan sistem sokongan mereka dalam meningkatkan fungsi parlimen.

Delegasi juga telah mengadakan pertemuan bersama pihak Crown Prosecution Services (CPS) yang merupakan badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal berkaitan pendakwaan kes-kes jenayah di United Kingdom. Sesi pertemuan ini antara lain membincangkan fungsi dan kuasa Pendakwa Raya serta hubungan dengan Peguam Negara. Selanjutnya, delegasi turut berkesempatan mengadakan perbincangan bersama pihak His Majesty's Crown Prosecution Service Inspectorate (HMCPSI) selaku badan inspektorat yang menjalankan pemeriksaan berkala terhadap agensi-agensi pendakwaan yang berkenaan bagi tujuan semak dan imbang (check and balance).

Sekretariat Jawatankuasa Kajian Empirikal Pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya juga bertanggungjawab menyediakan sebuah laporan akhir kajian ini yang akan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dijangka dalam tahun ini. Kajian empirikal ini merupakan bukti jelas komitmen Kerajaan MADANI dalam merealisasikan agenda reformasi institusi bagi memastikan tadbir urus negara terus dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
12 MAC 2025